

TEKS UCAPAN:

YANG AMAT BERHORMAT

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI &

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)

DAN APRESIASI KKDW BAGI TAHUN 2024

PADA:

15 MEI 2025 (KHAMIS)

2.30 PETANG

LOKASI:

DEWAN SRI LESTARI

ARAS B1, KKDW

Salam Sejahtera

Salam Malaysia Madani,

Terima Kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis

(SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN)

MUKADIMAH

1. Sejak negara mencapai Kemerdekaan pada tahun 1957, perkhidmatan awam memainkan peranan kritikal sebagai pemacu dasar dan pelaksana aspirasi negara. Perkhidmatan awam Malaysia telah berkembang menjadi institusi penting dalam merangka dan melaksanakan dasar negara. Ia berperanan sebagai penghubung antara kerajaan dan rakyat, memastikan setiap dasar dan program sampai kepada sasaran dengan berkesan.

2. Hari ini, Malaysia mempunyai lebih 1.6 juta penjawat awam, lebih 70% daripadanya berada dalam sektor seperti pendidikan, keselamatan, kesihatan dan bidang-bidang yang menyentuh kesejahteraan rakyat secara langsung.

3. **Di KKDW, kita mempunyai seramai 28,211 orang kakitangan termasuk jabatan dan agensi**. Semuanya

memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat desa seperti pembangunan infrastruktur, program pemerkasaan ekonomi dan modal insan, program membasmi kemiskinan dan inisiatif sosial, termasuklah menyantuni komuniti Orang Asli dan penduduk di Sabah dan Sarawak.

4. Jadi, hari ini kita meraikan **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Apresiasi Kementerian Kemajuan Desa & Wilayah (KKDW) bagi Tahun 2024** sebagai satu medan untuk memastikan KKDW terus menjadi Kementerian yang cemerlang dalam melaksanakan fungsi dan peranannya untuk memastikan kemajuan dan kesejahteran warga desa secara menyeluruh dan berkesan.

5. Mungkin saya tidak mengenali kesemua warga KKDW secara dekat tetapi percayalah, saya amat menghargai khidmat bakti seluruh warga KKDW, lebih-lebih lagi kepada para pesara dan bakal pesara yang telah mencurah keringat dan pengorbanan sepanjang perkhidmatan mereka di KKDW.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Hadirin sekalian

6. Selain itu, majlis ini adalah simbol pengiktirafan kepada **usaha gigih, dedikasi, dan integriti penjawat awam** dalam

melaksanakan amanah rakyat dan negara. Penganugerahan APC pula sebagai tanda penghargaan kepada warga kerja yang telah menunjukkan prestasi dan pencapaian yang membanggakan sepanjang tahun 2024.

7. **Kepada 89 orang penerima APC dan seorang penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) tahun 2024 dari MARA,** besarlah harapan saya agar anda semua menjadi **suri teladan *(role model)*** kepada rakan-rakan sepejabat yang lain untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik sepanjang berada di KKDW dan sepanjang bergelar penjawat awam.

8. Begitu juga kepada **2 orang pegawai KKDW yang telah bersara pada tahun lalu, dan lima orang pegawai KKDW yang akan bersara pada tahun ini,** saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan buat anda semua. Jadikan persaraan ini sebagai permulaan baharu untuk anda berbakti kepada masyarakat.

9. Saya yakin peluang di luar perkhidmatan awam masih luas untuk diceburi. As the saying goes, *"Retirement is not the end, but the beginning of a new chapter in life."* Maka, jadikanlah segala pengalaman, kemahiran serta pengetahuan semasa tuan-tuan dan puan-puan berkhidmat menjadi panduan dan aset bernilai apabila menempuh dunia persaraan. Yakinlah, peluang di luar sana sentiasa terbuka untuk diterokai.

10. Saya mendoakan agar Allah SWT membalas segala kebaikan yang telah disumbangkan oleh anda sepanjang perkhidmatan khdususnya sepanjang berkhidmat di KKDW. Jazakallahu khairan kathira.

REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

11. Pada kesempatan ini, saya ingin menyebutkan bahawa Rang Undang-undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 (RUU ILTIZAM) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara di Parlimen pada bulan Mac yang lalu. Kelulusan ini merupakan suatu **ikhtiar reformasi Kerajaan dalam pembaharuan struktur dan operasi sektor awam,** demi **memperkasa penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dan perniagaan**.

12. Tentunya penggubalan RUU ILTIZAM ini mensasarkan usaha untuk **menangani birokrasi yang berlebihan, memansuhkan prosedur lapuk** dan **menyusun semula proses kawal selia** yang membebankan rakyat serta komuniti perniagaan.

13. Malah, tumpuan telah diberikan kepada usaha meningkatan kecekapan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan, pengurangan kos urus niaga dan masa yang hilang akibat proses yang tidak produktif, pengukuhan tadbir urus atau tatakelola berteraskan integriti dan ketelusan dan memacu

pertumbuhan ekonomi melalui ekosistem yang mesra perniagaan dan responsif.

14. Saya amat berharap agar ikhtiar ini **menghasilkan pelaksanaan perkhidmatan yang lebih pantas, mesra pengguna, dan mudah diakses, serta memperkukuh kerjasama antara sektor awam, swasta dan juga pihak-pihak lain yang berkepentingan**.

15. We have entered a new era, one that moves beyond the old notion that "the government knows best." Today, our approach must be more inclusive, people-centric, and adaptive to change — all for the greater good of the rakyat.

TEMA: BERTEKAD MELAKSANAKAN REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin sekalian,

16. Memandangkan Majlis APC KKDW kali ini mengangkat tema **"Bertekad Melaksanakan Reformasi Perkhidmatan Awam"**, adalah menjadi harapan tulus saya juga supaya pengiktirafan ini akan menyuntik semangat seluruh warga Kementerian dan agensi agar **terus beristiqamah menambahbaik dan mereformasi kaedah pelaksanaan tugas bagi meningkatkan lagi tahap penyampaian**

perkhidmatan Kementerian dan agensi kepada masyarakat desa.

17. Saya mahu kita semua memastikan usaha penambahbaikan perkhidmatan awam ini turut memberi impak yang signifikan terhadap pelaksanaan program-program ***Game Changer*** **KKDW** menerusi **pendekatan yang berbeza, di luar kotak kebiasaan serta memanfaatkan teknologi data dan digital terkini**, di mana ia dapat memberi **keberhasilan *(outcome)* yang tinggi serta kos yang lebih efektif**.

18. Walaupun kita telah meraih pelbagai kejayaan serta keberhasilan dalam pelaksanaan program dan projek Kementerian, namun masih terdapat **ruang dan peluang untuk penambahbaikan yang boleh disumbangkan**, **idea bernas yang boleh dikupas** dan **khidmat bakti yang perlu dicurahkan** dalam menuju kecemerlangan perkhidmatan awam untuk memacu pembangunan negara.

19. Ya, kita tidak boleh kekal selesa pada suatu tahap pencapaian, Kita mesti **sentiasa mendengar dan memahami permasalahan** serta **proaktif dalam melaksanakan pelbagai inisiatif** bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin.

20. Kita juga perlu **sentiasa proaktif dan responsif terhadap keperluan semasa rakyat dan negara**. Kerjasama kukuh,

kesefahaman jitu dan sokongan merentas agensi di bawah KKDW merupakan pemangkin utama kejayaan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan cemerlang KKDW kepada masyarakat desa.

CELIK DIGITAL, CEMERLANG SAHSIAH

21. Pada masa yang sama, kita perlu peka dengan cabaran *megatrends* yang boleh memberi kesan kepada perkhidmatan awam. Hari demi hari, ekspektasi rakyat dan pemegang taruh terhadap perkhidmatan awam adalah semakin tinggi. Keadaan ini memerlukan kita membuat pembaharuan yang berterusan bagi memastikan kita sentiasa kekal relevan dan responsif dalam memenuhi harapan rakyat dan pemegang taruh.

22. Oleh itu, saya mencadangkan agar program-program pembangunan modal insan dalam **bidang teknologi maklumat dan digital** terkini diperkasakan bagi meningkatkan tahap **kemahiran serta literasi digital** warga KKDW.

23. Saya mahu tahap kompetensi warga KKDW dipertingkatkan seiring dengan **perkembangan teknologi digital yang semakin canggih**, di mana generasi baharu lebih memilih untuk menggunakan aplikasi di dalam telefon pintar (*smart*

phone) atau komputer bagi mendapatkan perkhidmatan secara dalam talian.

24. Selain itu, tumpuan juga perlu diberi kepada **pembangunan sahsiah insan (*character building)*** melalui peningkatan **ilmu pengetahuan, kemahiran** dan **pengamalan nilai-nilai murni** serta ciri-ciri peribadi yang positif termasuk aspek **integriti yang tinggi**.

25. Elemen ini merupakan asas kepada pembentukan modal insan berprestasi tinggi bukan sahaja dari aspek fizikal dan intelektual, malah meliputi juga aspek rohani yang menjadikan modal insan sebagai aset penting di dalam organisasi di KKDW serta Agensi di bawahnya.

PENUTUP

26. Akhir kata, marilah kita bersama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan tuan-puan yang diraikan hari ini dilimpahkan segala rahmat dan keberkatan. Semoga segala kenangan tuan-tuan dan puan-puan bertugas di KKDW menjadi memori terindah di sepanjang perkhidmatan sebagai penjawat awam.

27. Untuk kita semua yang masih berada dalam perkhidmatan awam ini, marilah bersama-sama kita **mengekalkan budaya**

dan momentum kecemerlangan dan memastikan KKDW terus gemilang dan menjadi pemacu perubahan dalam memajukan masyarakat di desa.

28. Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KKDW bagi Tahun 2024 dan selamat bersama kepada semua pesara KKDW yang diraikan pada hari ini.

Sekian,
Wabillahi Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.